

Latarbelakang, Faktor Pengekalan dan Pandangan Terhadap Tingkah Laku Mahasiswa Lelaki Kecelaruhan Identiti Gender

**Puteri Hayati Megat Ahmad
Nurul Hudani Md Nawi**

Universiti Malaysia Sabah

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan golongan lelaki kecelaruhan identiti gender yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta dan awam di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini cuba memahami kenapa golongan ini menongkah norma, adat dan agama melalui penelitian terhadap latarbelakang, alasan mengekalkan tingkah laku penampilan dan pandangan subjek mengenai tingkah laku mereka. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temuduga berstruktur dan sembilan subjek lelaki telah dipilih berdasarkan penampilan fizikal mereka. Dapatan kajian dianalisa dan dikelompokkan kepada beberapa tema iaitu pemahaman latarbelakang (hubungan dengan ibubapa, koleksi barang kesayangan, tempat yang sering dikunjungi, fokus penampilan, hubungan interpersonal, ciri teman istimewa dan perkahwinan), alasan mengekalkan tingkah laku penampilan (faktor perasaan dan faktor masa silam) dan pandangan mengenai tingkah laku (pandangan terhadap penampilan, perasaan terhadap pandangan masyarakat, alasan memilih gaya hidup, pandangan terhadap diri dan kehidupan sekarang, penghalang untuk berubah). Antara dapatan kajian menunjukkan kesemua subjek sedar tingkah laku tersebut tidak disukai oleh ibu bapa dan kerana itu mereka menyembunyikan tingkah laku tersebut dari pengetahuan ibubapa. Faktor masa silam dan faktor perasaan telah mengukuhkan tingkah laku kecelaruhan golongan ini dan sebahagian besar merasa sangat bahagia dan berpuas hati dengan kehidupan mereka sekarang.

Kata kunci: latarbelakang, pengekalan, tingkah laku, masa silam, kecelaruhan
SAPJ Code: 2070, 4140, 5070

Pengenalan

Secara umumnya hanya dua jantina biologi sahaja yang diterima iaitu lelaki dan perempuan. Lelaki dikatakan bersifat maskulin dan akan tertarik kepada perempuan manakala perempuan pula mempunyai pengenalpastian gender perempuan dan tertarik kepada lelaki. Kedua-dua kelompok jantina ini adalah norma yang telah dimaklumi dan mana-mana individu yang mempamerkan kombinasi jantina biologi, jantina dan seksualiti, akan dianggap tidak *natural* atau bersifat patologi (Newman, 2002; Schilt & Westbrook, 2009).

Terlalu banyak istilah yang telah digunakan untuk merujuk kecelaruhan identiti gender ini. DSM-IV-TR menyatakan ciri diagnostik kecelaruhan identiti gender (*transsexualism*) merangkumi pengenalpastian secara kuat dan kukuh terhadap silang jantina. Individu kategori kecelaruhan identiti gender mempunyai perasaan jantina sebaliknya dan telah mengubah fizikal seksual yang mereka miliki semasa lahir. Remaja atau individu kategori ini mengalami perasaan seperti kemahuan menunjukkan penampilan jantina yang berbeza dari asal, mahu dilayan dan hidup sebagai jantina yang diidamkan, berkeyakinan mempunyai perasaan seperti

jantina sebaliknya, berterusan merasa tidak selesa dan ketidaksesuaian dalam peranan gender asalnya. Secara jelasnya kecelaruan identiti gender ini dikategorikan sebagai kecelaruan mental oleh *Diagnostic Manual of Mental Disorders* (DSM) iaitu piawaan untuk profesional kesihatan mental.

Istilah transgender pula merujuk kepada individu yang menjauhi jantina mereka sejak lahir (Stryker, 2008) dan termasuk dalam kategori ini adalah transseksual iaitu individu yang mengalami identiti gender yang tidak selari dengan fizikal badan mereka (Diamond, 2002). Identiti jantina adalah istilah psikologi yang menggambarkan rasa diri individu samada sebagai lelaki atau wanita dan identiti jantina berdasarkan set budaya tertentu seperti sikap, pola tingkah laku dan mana-mana ciri yang berkaitan dengan maskuliniti atau feminiti (Polat, Yuksel, Discigil, & Meteris, 2005). APA (2000) dalam Kirk & Belovics (2008) pula mendefinisikan identiti gender sebagai persepsi individu sebagai seorang lelaki atau wanita.

Kecelaruan Identiti Gender (*Gender Identiti Disorders, GID*) dikriteriakan sebagai ketidakselesaan berterusan oleh individu terhadap jantina mereka dan kemahuan untuk menjadi jantina sebaliknya (Vock, Stahn, Loenser, & Legenbauer, 2009). Individu GID ini mengalami rasa ketidaksesuaian dalam peranan biologi jantina mereka yang mana dimanifestasikan dengan simptom seperti berusaha bersungguh untuk menghapuskan kriteria primer atau sekunder jantina mereka. Mereka juga akan mendapatkan hormon atau pembedahan untuk mengubah ciri fizikal supaya nampak maskulin atau feminin yang bersepadanan dengan jantina berlawanan (American Psychiatric Association, 2000). Berlakunya ketidakselarasan dari aspek anatomi serta kehendak seksual dan individu transseksual bagi kedua-dua jantina seringkali menilai secara negatif fizikal diri mereka berbanding individu bukan transseksual (Pauly & Lindgren, 1977). Telah dibuktikan bahawa sumber ketidakpuasaan hati individu kelompok ini berkaitan anatomi seksual dan ketidakpuasan ini ditangani dengan memfokuskan kepada bahagian bukan seksual dan aspek badan lain seperti kaki, muka, hidung, ketinggian, kening, jari tangan, bahu dan dagu (Vock, Stahn, Loenser & Legenbauer, 2009). Oleh kerana gangguan terhadap imej fizikal tubuh badan adalah sangat signifikan, maka kumpulan ini akan memfokuskan kepada penyediaan tubuh fizikal yang menarik menurut pandangan mereka. Kerana itu juga didapati golongan GID lelaki (dari lelaki kepada wanita) mengubah anatomi seksual mereka seperti buah dada supaya menyerupai jantina perempuan yang diidami melalui penggunaan hormon atau pembedahan.

Kecelaruan gender (disforia gender) didefinisikan sebagai penghayatan individu bercelaru antara perasaan gender sendiri dengan jantina anggota kelaminnya (<http://halaqah.net>). Ia juga merujuk kepada persepsi dirinya sebagai seorang lelaki atau wanita (Nolen-Hoeksema, 2007) dan boleh dijelaskan sebagai satu sistem kepercayaan tentang diri berkaitan maskuliniti atau feminiti serta bagaimana rol atau peranan telah ditentukan berkaitan jantina tersebut (Ault & Brzuzy, 2009). Transeksualisme paling ketara apabila individu yang mempunyai alat kelamin tertentu berasa begitu yakin bahawa dia adalah golongan jantina sebaliknya. Manifestasi fenomena transeksualisme ini dapat dikenalpasti melalui percanggahan antara kehendak hati dan mematuhi norma masyarakat di mana akhirnya lebih cenderung menonjolkan diri dalam jantina sebaliknya seperti cara berpakaian dan pergaulan. Perasaan untuk mendekati jantina yang dianggap jantina nalurinya akan menjadi ketara apabila individu ini memasuki alam remaja, mengalami pergolakan hormon seksual serta mengalami ketumbesaran anggota kelamin (<http://halaqah.net>).

Bagi golongan ini, mereka akan melakukan apa saja untuk memenuhi keperluan naluri seperti berpakaian dan menggunakan bantuan perubatan dengan tujuan penghayatan terhadap jantina diidamkan. Mereka sanggup melakukan apa saja sehingga kadangkala mendatangkan kemudaratan dan kesengsaraan kepada diri mereka. Memusnahkan diri sendiri seperti

menjalinkan hubungan rakan sejenis, menyediakan perkhidmatan seks dan menjalani pembedahan perubahan jantina adalah fenomena lumrah, yang akhirnya mendatangkan kekecewaan sehingga ada yang sanggup membunuh diri.

Isu kecelaruan identiti gender telah menjadi topik perbincangan di Malaysia kerana kini ramai lelaki menjadi wanita atau gelaran biasanya maknyah dan wanita pula menyerupai lelaki atau dipanggil pengkid. Jika sebelum ini maknyah dan pengkid menyembunyikan sifat mereka, namun kini kumpulan ini sudah semakin popular malah berani menonjolkan diri sehingga menjadi trend dan ini tidak terkecuali di kampus. Fenomena kecelaruan identiti gender ini telah menular sedikit demi sedikit dan kemudiannya menjadi sangat nyata biarpun kehadiran golongan ini kurang disenangi oleh kebanyakan individu lain (Maesarah, 2004). Kumpulan 'jadi-jadian' ini mendapat sokongan positif dari golongan berfahaman liberal yang tidak berlandaskan pegangan agama dan melihat penjagaan hak asasi sebagai sesuatu yang mutlak serta mempunyai hak tersendiri yang mesti dilindungi.

Kewujudan pihak sebegini di kampus sudah menular (Fadilah Zaini et al., 2007), amat menggusarkan warga kampus dan boleh memberi gambaran negatif kepada masyarakat. Adalah dianggarkan 500 pelajar IPTA di Malaysia tergolong dalam transeksualisme dan menjurus kepada kecelaruan gender (Mohd. Tajuddin, 2003) sehingga mendapat perhatian dari pelbagai pihak. Institusi pengajian tinggi samada universiti awam atau swasta, seharusnya mengeluarkan modal insan yang boleh menjadi rol model dan bukannya individu yang mengalami kecelaruan identiti gender. Gejala jadi-jadian ini akan memudaratkan ketamadunan manusia melalui keruntuhan struktur sosial keluarga kerana tidak wujud lagi ibu dan bapa jika pasangan ini berkahwin. Langkah pembenterasan harus dilakukan seberapa segera dan salah satu cara ialah mengenalpasti golongan tersebut melalui pemahaman bagaimana mereka berfikir dan melihat perspektif dari kotak pemikiran mereka. Dengan memahami perlakuan dan cara mereka berfikir, pengenalan awal dapat dilakukan kerana pencegahan adalah langkah awal dalam menangani isu sosial ini. Golongan pengkid atau wanita menyerupai lelaki agak kurang ditemui di kampus dan justeru itu, kajian ini dijalankan dengan memfokuskan kepada golongan mahasiswa lelaki yang secara jelasnya mempunyai ciri-ciri nyata kecelaruan identiti gender seperti cara berpakaian dan cara bergaul.

Objektif kajian secara umumnya adalah untuk memahami mengapa golongan ini bertingkah laku sedemikian rupa. Secara khususnya objektif kajian adalah mengetahui latarbelakang subjek kajian, mengenalpasti alasan mereka mengekalkan tingkah laku penampilan dan mengetahui pandangan subjek mengenai tingkah laku mereka.

Kajian ini diharap akan dapat membantu pihak berautoriti seperti Kementerian Pengajian Tinggi, pihak pentadbiran universiti (IPTS dan IPTA), pentadbiran HEP, kaunselor, pensyarah dan mahasiswa agar dapat mengawal gejala maknyah ini dari terus merebak. Memahami mengapa mereka bertingkah laku sedemikian rupa akan memudahkan pihak terlibat menjuruskan intervensi bagi membantu kumpulan ini kembali ke jalan yang betul dan menepati misi dan visi universiti sehubungan modal insan.

Pemulihan dan rawatan perlu dilakukan secara spesifik dan komprehensif memandangkan fenomena ini bakal menjadi gejala sosial yang kronik akibat kecuai dan kealpaan kita menangani lebih awal. Golongan ini perlu didekati dan dibantu secara khusus melalui rawatan sesi kaunseling individu, sesi kelompok dan bimbingan. Teori tingkah laku melihat manusia bermasalah kerana tingkah laku namun bagi golongan ini, banyak aspek lain yang mesti diberi perhatian. Mengapa mereka bertingkah laku sedemikian dan peristiwa masa silam boleh diterokai agar kecelaruan ini dapat ditangani melalui pendekatan kaunseling. Penggunaan rawatan berasaskan pendekatan integratif melalui gabungan beberapa teori mampu

merungkai permasalahan, memberi kefahaman mendalam kepada kaunselor agar perancangan rawatan komprehensif dapat disediakan sebagai usaha membantu golongan ini di universiti

Metodologi

Kajian dijalankan dengan objektif untuk memahami perlakuan dan cara golongan ini berfikir dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Temuduga berstruktur dijalankan untuk memenuhi objektif kajian. Subjek kajian dihubungi melalui telefon dahulu dan apabila persetujuan diberikan maka temuduga dijalankan. Bagi mendapat kerjasama, kesemua penemuduga (sembilan orang) adalah terdiri dari lelaki kerana golongan ini enggan ditemuduga oleh perempuan.

Temuduga berstruktur telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat seperti yang dikehendaki oleh kajian. Kesemua temuduga ini telah dirakam secara audio dengan kebenaran subjek atas tujuan penyediaan transkrip. Soalan-soalan yang ditanya semasa temuduga adalah khusus untuk menjawab objektif kajian. Terdapat 10 soalan umum yang ditanya kepada subjek dan penemuduga menggunakan *verbal tracking* dalam menjana perbualan bersama responden. Soalan-soalan yang digunakan adalah;

- Soalan 1. Ceritakan tentang keluarga, diri, hobi, koleksi barang kesayangan dan lain-lain yang anda fikirkan berkaitan dengan diri anda*
- Soalan 2. Boleh kongsi tentang fokus penampilan diri anda?*
- Soalan 3. Apakah ciri teman istimewa yang anda idamkan dan pandangan anda terhadap perkahwinan?*
- Soalan 4. Mengapa anda mempunyai penampilan begini?*
- Soalan 5. Boleh ceritakan peristiwa masa silam (jika ada) yang boleh dikaitkan dengan apa yang anda alami sekarang?*
- Soalan 6. Apa pandangan anda terhadap penampilan dan tingkah laku anda?*
- Soalan 7. Apa perasaan anda berkaitan pandangan masyarakat terhadap diri anda?*
- Soalan 8. Apa yang menyebabkan anda terus begini?*
- Soalan 9. Apa pandangan anda terhadap diri dan kehidupan anda?*
- Soalan 10. Mengapa anda terus kekal dalam tingkah laku sekarang?*

Semua jawapan subjek ditranskripkan, dianalisa dan kemudian dikelompokkan kepada tema-tema seperti di bawah;

i. Latarbelakang subjek (berdasarkan soalan 1, 2 dan 3)

- Hubungan dengan ibubapa
- Koleksi barang kesayangan
- Tempat yang sering dikunjungi
- Fokus penampilan diri
- Hubungan interpersonal
- Ciri teman istimewa
- Keinginan berkahwin

ii. Alasan mengekalkan tingkah laku penampilan (berdasarkan soalan 4 dan 5)

- Faktor perasaan
- Peristiwa masa silam

iii. Pandangan subjek mengenai tingkah laku (berdasarkan soalan 6, 7, 8, 9 dan 10)

- Pandangan terhadap penampilan dan tingkah laku (samaada betul atau salah)
- Perasaan subjek terhadap pandangan masyarakat
- Alasan memilih gaya hidup
- Pandangan terhadap diri sendiri dan kehidupan
- Penghalang untuk berubah

Seramai sembilan subjek pelajar lelaki yang mengikuti pengajian sepenuh masa di IPTA dan IPTS telah dipilih berdasarkan penampilan fizikal mereka. Terdapat beberapa subjek lain yang berpotensi namun tidak dilibatkan kerana amat sukar mendapat kerjasama.

Keputusan

Jadual 1: Analisis deskriptif berdasarkan ciri demografi (N=9 orang)

Pembolehubah	frekuensi
Umur	
22 tahun	4
23 tahun	3
24 tahun	1
25 tahun	1
Bangsa	
Melayu	5
Bumiputera Sabah	4
Peringkat Pengajian	
Tahun 3	4
Tahun 2	5
Tempoh terlibat	
1 tahun-3 tahun	7
4 tahun -6 tahun	2

Jadual 2: Latarbelakang

Tema	Subjek	Bilangan
<u>Hubungan Dengan Ibumama</u>		
Hubungan baik	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
Mengelak dari diketahui oleh ibumama	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
<u>Koleksi Barang Kesayangan</u>		
Patung beruang dan diari	B, C, I	3
Anak patung	E, I	2
Perhiasan feminin (gelang, rantai, cincin, kasut, beg tangan)	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
<u>Tempat Yang Sering Dikunjungi</u>		

Tempat hiburan (panggung wayang, Kelab malam)	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
Tempat peranginan bersama teman istimewa	B	1
<u>Fokus Penampilan</u>		
Menjaga kecantikan dengan mengunjungi salon	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
Pakaian jenama	A, D	2
Mengambil vitamin c	E, G, H	3
<u>Hubungan Interpersonal</u>		
Dilayan dengan baik	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
Tidak pernah ditegur tentang personaliti	A,B,D,E,F,G,H	7
Mempunyai teman istimewa	A,D,E,G,H	5
<u>Ciri Teman Istimewa</u>		
Kacak	B,C,F	3
Sasa dan kuat	A,D,E,G,H	5
Tiada syarat	I	1
<u>Perkahwinan</u>		
Mahu Berkahwin	A,B,D,G,H	5
Tidak mahu Berkahwin	E, F, I	3
Tidak pasti	C	1

Tema: Latarbelakang

i. Hubungan Dengan Ibu Bapa

Kesemua subjek mengakui mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa. Seorang subjek sering dipuji kerana rajin memasak. Dua subjek menyatakan mereka pernah ditegur oleh datuk dan nenek apabila berpakaian seperti perempuan. Misalnya Subjek G menyatakan,

"Saya tidak ada masalah dengan mama dan ayah, cuma.. datuk dan nenek la banyak tegur saya sebab nampak kadang-kadang tingkah laku saya mirip pada perempuan...maksud saya..lembut. kadang-kadang saya rasa rimas sebab atuk dan nenek selalu beleter pada saya tiap kali saya balik kampung".

Kesemua subjek menyembunyikan tingkah laku ini apabila mereka bersama ibubapa dan keluarga. Mereka mengakui bahawa ibubapa tidak menyukai tingkah laku ini. Subjek I menyatakan,

"Aku tak berani tunjuk depan mak bapak aku. Seksa betul kalau balik rumah. Kalau bapa aku tahu, mati nyah. Kat rumah aku cuba kawal supaya tak nampak sangat. Kalau keluar aku bawa baju lain dalam beg aku".

ii. Koleksi Barang Kesayangan

Tiga subjek mempunyai koleksi kesayangan patung, beruang dan diari. Dua subjek menyimpan dan meyayangi anak patung manakala kesemua subjek menghargai perhiasan feminin seperti gelang tangan, cincin, rantai, beg tangan dan kasut. Subjek B menyatakan,

"Teddy bear, bunga dan lain-lain yang cute dan menarik bagi saya. Saya juga akan kumpulkan barang-barang perempuan macam gelang, rantai yang nampak cute, cantik dan comel".

iii. Tempat Yang Sering Dikunjungi

Kesemua subjek sering mengunjungi tempat berhibur seperti ke kelab malam untuk menari. Mereka juga sering ke pawagam, pusat bowling atau pusat karaoke. Satu subjek sering ke pusat perangan dengan teman istimewa untuk melancong. Subjek B menyatakan,

"Kami selalu pergi Kundasang berdua, jalan-jalan makan angin. Tempat sejuk best sangat".

iv. Fokus Penampilan Diri

Kesemua subjek menyatakan mereka suka kelihatan cantik dan nampak feminin. Mereka banyak menumpukan masa untuk penampilan diri seperti bersolek, menjaga kuku, rambut serta sering pergi ke salon. Dua subjek sering menggunakan pakaian berjenama dan tiga subjek mengambil vitamin C untuk menghaluskan dan mencantikkan kulit. Subjek E menyatakan,

"Saya jaga keterampilan dari segi pakaian jaga imej sentiasa kelihatan cantik, anggun yang bersifat feminin, selalu jugak pergi salon".

v. Hubungan Interpersonal

Semua subjek menyatakan mereka merasa selesa dengan individu lain (kawan sekuliah, rakan serumah) dan diterima baik oleh warga kampus. Tujuh subjek menyatakan mereka tidak pernah ditanya mengapa mereka bertingkah laku sedemikian. Lima subjek mempunyai teman istimewa. Subjek D menyatakan,

"Saya ada kawan istimewa. Dia jaga saya, saya jugak jaga dia. Dah lama kami kawan".

vi. Ciri Teman Istimewa

Tiga subjek mahukan teman istimewa yang kakak manakala lima subjek mahukan yang sasa, kuat supaya boleh melindungi dan rasa selamat. Satu subjek hanya mahukan lelaki sebagai teman istimewa tanpa ada sebarang syarat lain kerana beranggapan subjek bukan wanita tulen. Subjek D menyatakan,

"Emmm... saya akui lah yang saya suka melihat lelaki yang hensem...tegap nampak kuat...entahlah...mungkin aku rasa selamat".

vii. Pandangan Terhadap Perkahwinan

Lima subjek menyatakan mahu berkahwin dan mempunyai keluarga, tiga subjek tidak mahu berkahwin dan satu subjek menyatakan tidak pasti. Subjek A menyatakan,

"Kami memang sayang antara satu sama lain, mmm kami mahu kawin".

Sebagai rumusan, dapatan kajian menunjukkan kesemua subjek mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa, menyukai assesori feminin, suka mengunjungi tempat berhibur, fokus penampilan diri adalah menjaga kecantikan dan diterima dengan baik oleh warga kampus. Kesemua subjek sedar tingkah laku tersebut tidak disukai oleh ibu bapa dan kerana itu mereka menyembunyikan tingkah laku tersebut. Mereka mempunyai ciri tertentu mengenai teman istimewa dan terdapat subjek yang mahu berkahwin dan berkeluarga.

Jadual 3: Alasan Mengekalkan Tingkah Laku Penampilan

Tema	Subjek	Bilangan
Faktor Perasaan		
Selesa penampilan sebagai wanita	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
Seronok menjadi perempuan	A,B,C,D,E,F,G,H,I	9
Faktor Masa Silam		
Suka bermain dengan perempuan semasa kecil	A,D,F	3
Terlibat oral seks semasa kecil	F, E	2
Terlibat dengan golongan maknyah semasa kecil	G, I	2
Lihat gambar lucah semasa kecil	B,C,H,I	4

Tema: Alasan Mengekalkan Tingkah Laku

i. Faktor Perasaan

Semua subjek merasa selesa dengan penampilan sebagai wanita dan seronok menjadi wanita kerana sering diusik oleh lelaki. Subjek H menyatakan,

"Aku rasa, jadi perempuan aku pilih, bukan apa ...aku rasa lebih selamat dan selesa bila bergaya seperti perempuan...lagipun lelaki suka kacau, seronok".

ii. Faktor Masa Silam

Tiga subjek menyatakan bahawa mereka suka bermain dengan kanak-kanak perempuan semasa kecil, dua subjek terlibat dengan oral seks semasa kanak-kanak dan akhirnya ketagih. Satu subjek menjadi penari kebudayaan sekolah di mana guru tarian juga mempunyai personaliti yang serupa dan seorang subjek mempunyai sepupu yang mempunyai tingkah laku seperti maknyah. Empat subjek sudah terdedah dengan gambar lucah sejak kecil di mana gambar lucah didapati dari rakan sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan faktor masa silam dan faktor perasaan telah mengekal dan mengukuhkan tingkah laku golongan ini. Kesemua subjek merasa selesa dan seronok dengan penampilan sebagai seorang perempuan. Terdapat subjek telah terlibat dengan aktiviti songsang (oral seks, terlibat dengan golongan maknyah dan melihat gambar lucah) dan menyebabkan mereka meneruskan sisi kiri personaliti ini. Subjek F menyatakan,

"Saya dari kecil lagi sudah berperasaan seperti seorang perempuan. Ketika saya berumur 5 tahun, saya sering main dengan adik perempuan saya. Kami main masak-masak, bermain anak patung dan sebagainya.Saya juga pernah main dengan lelaki 22 tahun masa tu saya umur 12 tahun. Kemudian saya ketagih dan kadangkala saya yang ajak orang main dengan saya".

Jadual 4: Pandangan Subjek Mengenai Tingkah Laku

Tema	Subjek	Bilangan
Pandangan Terhadap Penampilan		
Rasa betul dan tidak menyusahkan orang lain	A,C,D,E,G,H	6
Rasa bersalah	B, I	2
Naluri yang telah ditakdirkan	F	1

Perasaan Terhadap Pandangan Masyarakat		
Tidak peduli apa yang dikatakan oleh orang lain	B,D,E,F,G,H,I	7
Geram dan anggap hak privasi	A,C	2
Alasan Memilih Gaya Hidup		
Memenuhi naluri	A,E,F,G	4
Takdir	B,C,D,H,I	5
Pandangan Terhadap Diri Dan Kehidupan		
Sekarang		
Rasa sangat bahagia	A,C,D,E,F,G,H,I	8
Malu	B	1
Penghalang Untuk Berubah		
Rasa sangat seronok	A,C,D,E,F,G,I	7
Tiada kekuatan	B	1
Hak privasi sendiri	H	1

i. Pandangan Terhadap Penampilan

Enam subjek merasakan apa yang mereka lakukan adalah betul dan tidak menyusahkan orang lain, dua subjek merasa bersalah tetapi tiada kekuatan untuk mengubah tingkah laku manakala satu subjek merasa risau tetapi berpendapat keperluan naluri mesti dipenuhi. Subjek C menyatakan,

"Allah yang lebih tahu apa aku buat, aku tidak buat salah maka apa yang hendak ditakuti..aku betul apa".

ii. Perasaan Subjek Terhadap Pandangan Masyarakat

Majoriti subjek menyatakan tidak kisah dengan pandangan atau tanggapan masyarakat terhadap mereka kecuali dua subjek yang merasa geram kerana berpendapat itu adalah hak privasi mereka. Subjek A menyatakan,

"Ya memang pandangan masyarakat memang tak baik..kenapa orang pandang kami macam ni? Hina sangat ke? Sedangkan hidup kami normal macam orang lain jugak.. apa yang saya lakukan tak pernah saya ganggu orang lain.. saya hal saya lah.. diorang hal diorang lah..geram betul".

iii. Alasan Memilih Gaya Hidup Ini

Empat subjek menyatakan mereka memilih cara hidup ini untuk memenuhi keperluan naluri sebagai perempuan, ingin dikasihi, dicintai dan tiada nafsu menjadi lelaki manakala lima subjek menganggap ini sebagai takdir dan mereka harus memilih cara hidup ini. Subjek F menyatakan,

"Sesuai dengan naluri saya... sukar untuk saya lari dari perasaan begini... ada juga saya cuba... tapi tersangat sukar untuk saya melawan perasaan begini. Saya nak orang sayang kasih dan cinta saya".

iv. Pandangan Terhadap Diri Dan Kehidupan

Kesemua subjek sangat berpuas hati dan merasa bahagia dengan kehidupan mereka sekarang kecuali seorang subjek menyatakan wujudnya rasa bersalah dan malu, Subjek I menyatakan,

"Setakat ni, tidak ada apa yang boleh atau perkara yang merosakkan hidup aku, aku bebas berpakaian, mengenakan gaya. Jadi aku sangat berpuas hati dengan gaya hidup aku. Asalkan tiada perkara yang mengganggu aku terlebih dahulu, aku akan sentiasa bahagia..."

v. Penghalang Untuk Berubah

Satu subjek menyatakan tiada kekuatan untuk meninggalkan tingkah laku, satu subjek menyatakan tentang hak peribadinya menentukan tingkah laku manakala tujuh subjek menyatakan tidak perlu membuat perubahan kerana sudah biasa dan merasa seronok. Subjek B menyatakan,

Pernah fikir jugak. Saya tahu apa yang saya impikan dan harapkan adalah salah dan jauh menyimpang dari agama... tapi.. sukar untuk saya terima hakikat sebenar..saya tak kuat untuk hadapi realiti yang sebenar.

Pandangan subjek mengenai tingkah laku dapat diperjelaskan. Majoriti merasakan mereka betul, tidak kisah dengan pandangan masyarakat kerana merasa yakin dengan apa yang mereka buat adalah betul, dan tidak mengganggu orang lain. Dapatan juga menunjukkan subjek sangat berkeyakinan bahawa naluri perlu dipenuhi dan meletakkan takdir yang perlu diterima. Subjek juga merasa sangat bahagia dan berpuas hati dengan kehidupan mereka sekarang dan keseronokan menghalang mereka untuk berhenti dari kegiatan ini.

Perbincangan

Tingkah laku jadi-jadian lelaki menyerupai wanita ini berlawanan dengan norma, adat dan agama serta tidak diterima oleh masyarakat di kampus dan juga ibu bapa. Ini jelas difahami oleh subjek berdasarkan pengakuan bahawa mereka menyembunyikan tingkah laku ini apabila berhadapan dengan ibu bapa. Dari kajian ini jelas ibubapa tidak menyedari masalah anak-anak mereka memandangkan tingkah laku ini disembunyikan oleh anak-anak. Keluarga adalah satu unit kecil dalam masyarakat dan penolakan oleh keluarga adalah refleksi penolakan oleh masyarakat dan ini difahami oleh golongan ini. Mana-mana golongan yang mengganggu gugat norma sosial akan ditolak oleh masyarakat, akan berlakunya penyisihan, manakala sokongan pula tidak disediakan (Polat et al., 2005). Anak-anak yang melakukan transformasi lelaki kepada wanita adalah satu mimpi ngeri bagi ibubapa yang mana mendatangkan kelukaan terhadap maruah dan status sosial keluarga dalam masyarakat (Polat et al., 2005). Tetapi malangnya transformasi ini tidak disedari akibat kelalaian atau kesibukan ibubapa. Ironinya, subjek mampu menghindarkan diri dari menampilkan naluri (berdasarkan kenyataan mereka) di hadapan ibubapa namun mereka tidak boleh mengawal diri mereka ketika berada dalam masyarakat.

Beberapa kajian mengenai kecelaruan identiti gender ini telah dijalankan misalnya kajian kes oleh Dogan & Dogan (2006) yang meneroka kesan sikap keluarga muslim terhadap anak

mereka di Turki. Dapatan kajian ini menunjukkan wujudnya sikap negatif terhadap homoseksualiti di mana mereka mengenalpasti gaya sebagai lelaki yang menyerupai wanita dan lesbian pula wanita menyerupai lelaki (Dogan & Dogan, 2006). Kajian ini menunjukkan ibu inginkan kepastian mengenai kecelaruan gender dan ingin mengetahui samada anak mereka dapat memenuhi keperluan sosial seperti berkahwin dan mempunyai anak. Kajian ini menunjukkan ibu amat risau jika anaknya tergolong sebagai homoseksual atau mempunyai kecelaruan identiti jantina.

Kajian oleh Polat dan rakan-rakan di Turki memfokuskan kepada kepentingan penglibatan keluarga dalam proses perubahan individu transjantina. Dapatan kajian mendapati 70 % kecelaruan identiti jantina berlaku selepas akil baligh, 63.8% keluarga menyatakan situasi ini sebagai pengalaman yang mengerikan dan satu pertiga dari keluarga yang dikaji menyatakan mereka bertanggungjawab kepada masalah kecelaruan ini. Majoriti keluarga dalam kajian ini cuba mengatasi masalah ini dari diketahui oleh persekitaran walaupun dengan keluarga terdekat. Keluarga cuba mendapatkan maklumat mengenai isu ini dari media massa dan doktor. Dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa penglibatan ahli keluarga dalam proses perubahan individu kategori ini adalah sangat penting demi kebahagiaan kedua-dua pihak iaitu ahli keluarga dan individu berkenaan.

Berdasarkan respon subjek dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa ibubapa adalah sumber kawalan yang maha penting kerana adanya sedikit 'penghormatan' golongan ini terhadap ibu bapa mereka. Ibu bapa seharusnya peka dengan perubahan fizikal anak mereka kerana ciri seperti muka, susuk badan dan cara berjalan telah jelas diubah. Adalah sangat menghairankan jika ibubapa langsung tidak menyedari perubahan anak-anak mereka sedangkan perubahan tersebut sangat ketara dan boleh dikenalpasti oleh mana-mana individu lain. Ini selari dengan dapatan (Polat et al., 2005) iaitu individu yang mengalami kecelaruan identiti gender mempamerkan perubahan ketara yang mudah dikenalpasti yang mana tidak konsisten dengan rol dan tingkah laku jantina sebenar mereka. Jika ibubapa berfungsi sebagai agen kawalan maka kecelaruan ini dapat dibenteras.

Selain itu kesemua subjek menyatakan mereka diterima dan dilayan dengan baik oleh warga kampus walaupun mereka mempamerkan penampilan kecelaruan identiti gender ini. Ini mengukuhkan kepercayaan mereka bahawa apa yang dilakukan tidak salah dan boleh diterima oleh masyarakat. Di kampus golongan maknyah diberi pengiktirafan melalui pujian pentas apabila mereka beraksi sebagai penari yang lemah gemalai. Tidak kurang juga individu kecelaruan identiti gender ini mengepalai senam robik di mana ratusan pengikut senamrobik tanpa ada kekeliruan untuk menjayakannya dengan memberi pengiktirafan mereka sebagai ketua. Pengiktirafan sebegini memberi indikator bahawa mereka diterima, tidak ada apa yang salah dari sudut pandangan masyarakat kampus asalkan apa yang disumbangkan dianggap berfaedah menurut pendapat mereka. Golongan ini secara bebas membina kelompok sepunya, berkelakuan tidak senonoh dan jarang disisih oleh pihak berautoriti samada pensyarah atau pentadbir atas tiket setiap individu itu unik dan berhak menentukan apa yang mereka mahukan.

Situasi sebeginilah yang mengukuhkan kepercayaan bahawa apa yang dilakukan adalah betul lantas tingkah laku ini diteruskan. Tepukan dan sorakan bergemuruh, pujian kerana berjaya mengepalai senamrobik, bergaya mengikut citarasa 'naluri' di majlis rasmi universiti dan kolej serta penerimaan rakan-rakan jantina yang diidamkan, menjadikan golongan maknyah kukuh dengan kepercayaan bahawa "inilah jalan betul yang mesti diikuti". Pandangan tidak kisah oleh warga kampus yang lain juga menjadikan kelompok ini berasa mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan sedangkan ianya jelas melanggar norma, agama dan adat masyarakat Malaysia.

Dapatan juga menunjukkan bahawa kesemua subjek kajian sangat mementingkan kecantikan serta ada di antara mereka mempunyai teman istimewa, inginkan berkahwin dan berkeluarga. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Farahwahida Mohd Yusof & Sharifah Munirah Timmiati (2010) iaitu lelaki lembut sangat meminati kecantikan dan kerana itu mereka sangat berminat dengan rancangan-rancangan fesyen, andaman dan solekan. Subjek kajian ini juga menyatakan mereka ingin kelihatan cantik dan mempunyai hobi seperti perempuan. Ini selaras dengan dapatan kajian ini bahawa koleksi kesayangan subjek adalah terdiri dari patung beruang, anak patung, rantai tangan, kasut, diari dan semua aksesori wanita. Individu kecelaruan identiti gender sangat berkait rapat dengan tanggapan terhadap fizikal badan (Algars, Santtila & Sandnabha, 2010) dan kerana itu golongan ini akan memastikan mereka sentiasa menjaga kecantikan. Mereka banyak menghabiskan masa dengan menghadiri pusat kecantikan bagi memastikan penampilan mereka mencapai tahap yang diinginkan. Dapatan ini disokong oleh kajian Fadilah Zaini et al. (2007) bahawa tahap gaya hidup mereka adalah tinggi dan mengamalkan gaya hidup sebagai seorang wanita. Subjek kajian ini juga mengambil vitamin C untuk menghaluskan kulit yang mana selari dengan dapatan kajian Nor Ba'yah dan Yahaya (2002). Dalam kajian di Turki, didapati golongan transseksual lelaki kepada wanita tidak berpuas hati dengan bulu badan, bidang bahu, alat kelamin dan lengan tetapi berpuas hati dengan pinggang, ketinggian, punggung, kaki, postur badan dan berat badan (Bozkurt, Isikli, Demir, Ozmenler, Gulcat, Karlidere, et al., 2006).

Dapatan berkaitan tema pengekalan tingkah laku penampilan melibatkan faktor masa silam dan faktor perasaan. Kesemua subjek merasa selesa dan yakin dengan penampilan sebagai seorang perempuan. Kraemer, Delsignore, Schnyder, & Hepp (2008) mendapati individu transseksual ini merasa tidak selamat dan tidak menarik berkaitan dengan imej badan. Berbagai penjelasan mengenai mengapa individu golongan ini mempunyai ketidakpuasan hati mengenai imej diri mereka, antaranya percanggahan antara anatomi seksualiti dan impian jantina menyebabkan meningkatnya penilaian negatif mengenai tubuh badan mereka (Vock et al., 2009) dan kesukaran membentuk imej badan yang diimpikan (Lindgren & Pauly, 1975). Ketidakpuasan hati terhadap imej diri dilihat sebagai aspek utama yang menyebabkan konflik identiti gender (Lindgren & Pauly, 1975; Vocks et al., 2009). Banyak kajian telah menunjukkan bahawa golongan transgender lelaki kepada wanita mempunyai risiko lebih tinggi mengenai ketidakpuasan imej diri (Rothblum, 2004) dan oleh itu penampilan sebagai perempuan akan dapat meningkatkan keyakinan mereka. Inilah penjelasan mengapa mereka terus menerus menampilkan diri mereka sebagai seorang perempuan.

Faktor masa silam mendedahkan sebilangan subjek juga telah terlibat dengan aktiviti oral seks sejak mereka kecil lagi dan ini adalah antara penyebab mengapa mereka bertingkah laku sedemikian rupa. Teori kognitif menjelaskan bahawa perkembangan gender kanak-kanak dibentuk oleh keupayaan kognitif, minat, pengetahuan dan lain-lain ciri personal (Shechner, 2010). Di samping pembelajaran secara langsung, perkembangan jantina juga melibatkan pembelajaran menerusi proses lanjutan seperti modeling dan peniruan dan ini memerlukan individu menguasai kemahiran dan keupayaan tertentu (Bussey & Bandura, 1999). Kecelaruan identiti gender ini juga boleh dikaitkan dengan faktor masa silam di mana subjek telah terlibat dengan oral seks sejak kecil lagi. Peristiwa ini telah kukuh sebagai kemahiran dan pengetahuan mereka kerana faktor yang mempengaruhi evolusi dan pengekalan jenis tingkah laku gender merangkumi keupayaan kognitif, keadaan emosi, motivasi, pengalaman lepas dan hasil yang diharapkan (Shechner, 2010). Kecelaruan identiti gender bagi subjek yang dikaji ini berkemungkinan terhasil dari orientasi peranan seksualiti berlainan semasa kecil seperti bermain anak patung, masak-memasak dan berkawan dengan kanak-kanak perempuan. Situasi seperti ini iaitu mengorientasikan secara seksual atau peranan terhadap individu berlainan

jantina atau sama jantina sejak kecil lagi akan mengakibatkan kecelaruan identiti gender (Smith, Van Goozen, Kniper, & Cohen-Kettenis, 2005).

Fenomena sering bermain dengan perempuan semasa kecil adalah peristiwa yang menyumbang kepada kegagalan membina personaliti lantas membawa kepada tingkah laku transseksual (Nor Ba'ayah & Yahaya, 2002). Kekaburan peranan dan kekeliruan jantina telah berlaku sejak kecil lagi (melalui berkawan dengan perempuan dan mengambil peranan seperti kanak-kanak perempuan) dan kini kekal dalam pemikiran subjek yang dikaji yang mana dapat dilihat melalui minat individu menyimpan barangan anak patung dan patung beruang.

Satu kajian di Malaysia oleh Farahwahida dan Sharifah Munirah telah dijalankan bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi lelaki lembut di UTM dan mengetahui kesan pembentukan sahsiah lelaki lembut serta menghuraikan kedudukan lelaki lembut dalam perspektif Islam. Dapatan kajian menunjukkan faktor teman, faktor keluarga dan media mempengaruhi golongan ini. Kajian ini juga menegaskan mengenai hukum haram menurut Islam bagi golongan yang bertingkah laku seperti perempuan dan menukar jantina. Kemungkinan terdapat banyak faktor lain lagi yang mempengaruhi kecelaruan identiti gender ini namun, ianya masih belum diketahui sebagaimana kenyataan Kirk & Belovics (2008), penyebab kepada kecelaruan identiti gender masih kekal menjadi misteri.

Dapatan tema mengenai pandangan subjek terhadap masyarakat menunjukkan mereka tidak mengambil kisah mengenai pandangan orang lain kerana merasa begitu yakin dengan apa yang sedang mereka lakukan. Subjek menjadi yakin bahawa naluri mereka perlu diutamakan dan menerimanya sebagai takdir. Subjek juga sangat berpuas hati dan bahagia dengan kehidupan sekarang di mana dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian Fadilah Zaini et al. (2007). Bagi masyarakat Malaysia, kecelaruan ini bersalahan dengan norma dan adat, dan oleh itu kelakuan songsang ini telah ditolak kerana ianya bakal membawa kecelakaan kepada peradaban manusia. Namun begitu, amat malang sekali di sebalik penolakan masyarakat, kumpulan ini tidak mengambil kisah tentang pandangan masyarakat kerana mereka begitu yakin bahawa mereka berada di jalan yang benar atas alasan antaranya memenuhi kehendak naluri. Tidak mengambil kisah mengenai penolakan masyarakat juga dikaitkan dengan pelbagai justifikasi antaranya individu lain tidak memahami apa yang sedang mereka lalui, apatah lagi wujudnya golongan yang berpegang kepada perlunya menghormati hak privasi dan perbezaan individu.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa penghalang paling utama untuk kumpulan ini berubah adalah disebabkan rasa seronok dengan tingkah laku songsang ini. Mereka begitu yakin bahawa takdir dan memenuhi naluri menjadi 'lesen' mengapa mereka memilih cara hidup sebegini. Berdasarkan dapatan ini, intervensi yang komprehensif perlu digunakan memandangkan rawatan perlu berfokuskan kepada sistem kepercayaan, tingkah laku dan menangani perasaan dalaman individu kecelaruan identiti gender ini.

Penutup

Lelaki menjadi wanita atau sebaliknya kini menjadi trend biasa dalam masyarakat hari ini dan kini telah menular di kampus. Fenomena ini mesti dibentaras dan ditolak sebelum menjadi parah kerana ia bertentangan dengan agama dan norma masyarakat Malaysia. Menurut pandangan Islam, golongan seperti ini dilaknat oleh Allah SWT seperti ditunjukkan dengan jelas dalam Alquran antaranya, kisah kehancuran kaum Nabi Luth. Kemurkaan dan peringatan Allah

SWT juga dapat dilihat melalui surah-surahNya, antaranya surah Al-Anbiyaa (ayat 74 dan 75), surah Asy-Syu'ara (ayat 160-175), surah Hud (ayat 77-83), surah Al-Qamar (ayat 33-39) dan surah At-Tahrim (ayat 10), (Dr Ahmad Zaki Ismail dalam Berita Harian, 2008).

Bagaimanapun golongan jadi-jadian ini berbeza dengan golongan yang secara alamiahnya disebut dalam agama Islam sebagai khunsa. Selain khunsa, iaitu golongan yang disebut dan diiktiraf dalam agama, maka atas alasan apa sekalipun, golongan yang mengalami kecelaruan identiti ini adalah kumpulan jadi-jadian (Ahmad Zaki Ismail dalam Berita Harian, 2008) iaitu sengaja diada-adakan atas pelbagai alasan psikologi dan biologi. Fenomena jadi-jadian ini perlu dibentaras kerana kewujudan kelompok ini akan membawa kecelakaan dan kemudaratan kepada peradaban manusia sejagat di mana implikasinya membahayakan keturunan, kesinambungan dan bakal meruntuhkan tamadun manusia di muka bumi ini.

Malangnya wujudnya segelintir masyarakat kampus hari ini seolah-olah menghalalkan malapetakat penyakit sosial ini malah pondan atau maknyah ini diperakui mempunyai hak berasaskan prinsip toleransi dan kebebasan hak asasi individu. Mereka diberi tempat yang tinggi malah mendapat tepukan gemuruh apabila menerima ijazah di hari konvokesyen. Amat malang sekali, kerana pengiktirafan kita, golongan ini terus hanyut dalam dunia mereka sehinggakan sangat sukar untuk menarik mereka semula ke jalan yang benar. Untuk itu, sebagai pencegahan awal, segala hujah yang menyokong aktiviti songsang ini seperti melayan mereka secara samarata, kasih sayang, keadilan, toleransi, hak asasi perlu dipatahkan kerana hubungan sejenis ini telah melanggar fitrah kejadian manusia dan yang pastinya dimurkai Allah sebagaimana Allah turunkan bencana yang amat dahsyat ke atas umat Nabi Luth a.s. Kehadiran mereka di kampus tidak perlu diperakukan kerana jelasnya kelakuan songsang mereka bersalahan dengan norma dan adat masyarakat Malaysia. Bukannya tiada usaha langsung oleh pihak autoriti di kampus untuk memerangi gejala ini tetapi peperangan kecil ini tidak setanding sokongan tidak langsung yang telah ditunjukkan oleh pihak lain. Apatah lagi, kumpulan ini sememangnya kalis undang-undang kerana tiada undang-undang khusus yang boleh membabitkan mereka dengan pelbagai perlakuan misalnya berkelakuan tidak senonoh di khalayak ramai.

Mengenali golongan ini memberi kita maklumat mengapa mereka sukar mengubah tingkah laku kerana ia melibatkan sistem kepercayaan, tingkah laku dan perasaan. Memahami kecelaruan identiti gender ini sangat penting dalam proses kaunseling. Walaupun kecelaruan identiti gender telah berlaku dalam banyak negara dan budaya, sikap terhadap homoseksualiti dan isu gender adalah berbeza dari satu budaya berbanding budaya yang lain (Dogan & Dogan, 2006). Ini kerana kesemua aspek seperti jantina, status sosioekonomi, agama, orientasi politik dan pendidikan seks adalah penting dan perlu diberikan perhatian (Arnold, Voracek, Musalek, & Springer-Kremser, 2004; Sakalli, 2002; Zucker 2005a, 2005b). Apapun, bagi masyarakat Malaysia, tingkah laku golongan jadi-jadian ini ditolak kerana ia bertentangan dengan norma dan adat.

Kajian ini mempunyai limitasi, antaranya subjek kajian yang dipilih adalah berdasarkan penampilan mereka dan bukan berdasarkan diagnosis pengkaji. Oleh itu tidak dapat dipastikan bahawa kesemua subjek adalah menepati kriteria GID menurut DSM. Untuk kajian di masa hadapan adalah dicadangkan bahawa sampel subjek telah didiagnoskan oleh pakar klinikal menurut kriteria DSM tersebut. Kedua, saiz sampel subjek yang sangat kecil kerana kesukaran pengkaji mendapatkan kerjasama kumpulan ini untuk ditemuduga dan dirakam. Ramai yang telah dikenalpasti namun tidak ramai yang mahu ditemuduga. Mereka juga mengenakan syarat penemuduga mesti terdiri dari lelaki. Oleh itu generalisasi dapatan kajian tidak boleh dilakukan ke atas semua golongan kecelaruan identiti gender memandangkan perbezaan budaya dan norma yang dianuti oleh subjek kajian ini. Dapatan ini hanya merujuk kepada golongan

kecelaruan identiti gender yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Kota Kinabalu, Sabah. Sebagai cadangan, jumlah subjek boleh dipelbagaikan meliputi mahasiswa di IPTA dan IPTS seluruh negara agar dapatan kajian boleh diurus ke arah pentakrifan umum.

Berdasarkan maklumat yang telah dipaparkan di atas, para kaunselor di institusi pengajian tinggi perlu memberi fokus kepada intervensi rawatan yang komprehensif dalam membantu golongan ini. Plan perancangan rawatan matriks perlu disediakan meliputi kaunseling individu, kaunseling kelompok, bimbingan dan bengkel agar golongan ini berubah dan tidak relaps (kembali kepada tingkah laku dan penampilan seperti wanita). Menangani relaps adalah antara strategi daya tindak yang mesti difokuskan memandangkan ada yang telah berubah namun kembali relaps kerana kurang kekuatan dan motivasi

Akhirnya, dapatan kajian ini telah memberi gambaran mengenai latarbelakang, mengapa mereka mengekalkan tingkahlaku penampilan dan pandangan mereka terhadap tingkah laku mereka. Maklumat sebegini dapat memberi manfaat kepada golongan profesional menolong memfokuskan intervensi dalam perancangan rawatan. Biarpun tingkah laku ini ditolak oleh masyarakat dan dilaknat oleh Allah SWT, namun ia tidak menjadi 'kudis' kepada sebilangan besar golongan ini. Sebagai institusi akademik tertinggi yang melatih dan menyediakan modal insan, penggembelangan tenaga perlu dilakukan oleh segenap warga kampus agar golongan yang tersasar ini dapat dipimpin kembali ke jalan yang benar.

Rujukan

- Algars, M., Santtila, P., & Sandnabha, N. K. (2010). Conflicted gender identity, bodydissatisfaction, and disordered eating in adult men and women. *Sex Role, 63*, 118-125.
- Ahmad Zaki Ismail (2008). Kecelaruan Gender Musnah Instutusi keluarga. Berita Harian
- American Psychiatric Association (2000). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (4th ed.). Washington, DC: Author
- Arnold, O., Voracek, M., Musalek, & Springer-Kremser, M. (2004). Austrin medical students' attitudes towards male and female homosexuality: A comparative survey. *Wiener Klinische Wochenschrift, 116*, 730-736.
- Ault, A., & Brzuzy, S. (2009). Removing gender identity disorder from the diagnostic and statistical manual of mental disorders: A call for action. *Social Work, 54*, 187-189.
- Bozkurt, A., Isikli, H., Demir, F., Ozmenler, K. N., Gulcat, Z., Karlidere, T., et al. (2006). Body image and personality traits of male-to-female transsexual and homosexuals. *Social Behavior and Personality, 34*, 927-938.
- Bussey, k. & Bandura, A. (1999). Social cognitive theory of gender development and differentiation. *Psychological Review, 106*, 676-713.
- Diamond, M. (2002). Sex and gender are different: Sexual identity and gender identity are different. *Clinical Child Psychology and Psychiatry, 7*, 320-334.

- Dogan, S., & Dogan, M. (2006). Possible gender identity disorder in an extremely religious muslim family. *Archives of Sexual Behavior, 35*, 645-646.
- Fadilah Zaini, Hamidah Ab. Rahman, Nor Akmar Nordin, Ishak Mad Shah, Hamdan Abdul Kadir, Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, & Mohd. Nasir Masroom (2007). *Sahsiah pelajar lelaki lembut: suatu persepsi masyarakat kampus*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jurnal Teknologi, 47(E) Dis. 2007*, 119-141.
- Farahwahida Mohd Yusof & Sharifah Munirah Timmiati (t.t). *Lelaki lembut: kesannya kepada pembentukan sahsiah mahasiswa IPTA*. Fakulti Pendidikan, UTM.
- <http://halaqah.net>. Kecelaruan gender. Muatturun pada 8/7/2011
- Kirk, J. & Belovics, R. (2008). Understanding and counseling transgender clients. *Journal of Employment Counseling, 45, 1*, 29-43.
- Kirk, J., & Beloviks, R. (2008). Understanding and counseling transgender clients. *Journal of Employment Counseling, 45*, 29-43.
- Kraemer, B., Delsignore, A., Schnyder, U., & Hepp, U. (2008). Body image and transsexualism. *Psychopathology, 41*, 96-100.
- Lindgren, T. W. & Pauly, I. B. (1975). A body image scale for evaluating transsexuals. *Archives of Sexual Behavior, 4*, 639-656
- Maesarah, Ab. Rahim (2004). *Psikologi lelaki lembut beragama Islam di Universiti Malaya*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Mohd. Tajuddin Ninggal (2003). *Transseksualisma dan hubungannya dengan kecelaruan gender dari perspektif psikologi*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar transeksualiti. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Newman, L. K. (2002). Sex, gender and culture: Issues in the definition, assessment and treatment of gender identity disorder. *Clinical Child Psychology and Psychiatry, 7*, 352-359.
- Nolen-Hoeksema, S. (2007). *Abnormal psychology* (4th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Nor Ba'ayah Abdul Kadir & Yahaya Mahamood (2002). *Pembangunan 'Loose personality dan gangguan seksual di kalangan pelajar transeksual: temubual personal dan kumpulan Fokus*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar transeksualiti di institusi pengajian tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka
- Pauly, I. B., & Lindgren, T. W. (1977). Body image and gender identity. *Journal of Homosexuality, 2*, 133-134.
- Polat, A., Yuksel, S., Discigil, A. G. & Meteris, H. (2005). Family attitudes toward transgendered people in Turkey: Experience from a secular Islamic country. *Intl. Journal Psychiatry in Medicine, Vol. 35(4)*; 383-393.
- Rothblum, E. D. (2004). Gay and lesbian body images. In T. F. Cash & T. Pruzinsky (Eds.), *Body image. A handbook of theory-research, and clinical practice* (pp. 257-265). New York: Guilford.
- Sakalli, N. (2002). The relationship between sexism and attitudes toward homosexuality in a sample of Turkish college students. *Journal of Homosexuality, 42*, 53-64.

- Schilt, K., & Westbrook, L. (2009). Doing gender, doing heteronormativity: "Gender normals," transgender people, and the social maintenance of heterosexuality. *Gender & Society, 23*, 440-464.
- Shechner, T. (2010). Gender identity disorder: A literature review from a developmental perspective. *Israel Journal Psychiatry Relat. Sci., Vol 47-No2*, 42-48.
- Smith, Y. L. S., Van Goozen, S. H. M., Kniper, A. J., & Cohen-Kettenis, P. T. (2005). Transsexual subtypes: Clinical and theoretical significance. *Psychiatry Research, 137*, 151-160.
- Stryker, S. (2008). *Transgender history*. Berkeley, CA: Seal Press.
- Vock, S, Stahn, C., Loenser, K. & Legenbauer, T. (2009). Eating and Body image disturbance in male-to-female and female-to male transsexuals. *Archives of Sexual Behavior, 38*, 364-377
- Zucker, K. J. (2005a). Gender identity disorder in children and adolescent. *Annuals Review Of Clinical Psychology, 1*, 467-492
- Zucker, K. J. (2005b). Gender identity disorder in girls. In D. J. Bell, *emotional problems in girls* (pp. 283-319). New York: Kluwer Academic / Plenum Publishers.